

UCAPAN PERASMIAN

**YBHG. DATO' DR. ABDUL FATTAH
ABDULLAH, PRESIDEN ANGKASA**

MAJLIS PENUTUP

**BICARA 100 TAHUN KOPERASI
ANJURAN
JAWATANKUASA PERHUBUNGAN
ANGKASA NEGERI JOHOR**

**22 JANUARI 2022 (SABTU
12.00 TENGAHARI
HOTEL NEW YORK, JOHOR BAHRU**

Bismillahirrahmanirrahim,

Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.

Terima Kasih Pengacara Majlis

(PROTOKOL SAPAAN DIBERI SEMASA MAJLIS)

Para Peserta Seminar “Bicara 100 Tahun Koperasi”, Peringkat Negeri Johor yang saya hormati sekalian.

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan kurnia-Nya dapat saya bersama tuan/puan sekalian bagi menyempurnakan Majlis Perasmian pada hari ini.

2. ANGKASA berharap program ini berjaya mencapai objektif yang

diharapkan dan memberi impak positif dalam memperkasakan koperasi di peringkat Negeri Johor.

3. Peranan dan sumbangan yang diberikan oleh Gerakan Koperasi adalah amat besar. Pada tahun 2022 ini, ulang tahun koperasi yang ke-100 dan saya percaya Gerakan Koperasi

akan terus kukuh dan relevan selagi mana ia beradaptasi dan membuat penyesuaian dengan arus perubahan semasa.

4. Keunikan koperasi yang mampu mengimbangi keusahawanan dan perniagaan dengan manfaat atau

tanggungjawab sosial kepada anggota serta masyarakat setempat membolehkan koperasi terus utuh bertapak di Malaysia sepanjang 100 tahun sejak tahun 1922 lagi. Gerakan koperasi ternyata berjaya memenuhi keperluan anggota, membantu meningkatkan taraf sosioekonomi

komuniti dan menjana pertumbuhan ekonomi.

5. Kita akui bahawa pandemik COVID-19 yang melanda dunia sejak tahun 2020 telah menjejaskan momentum pertumbuhan ekonomi negara. Sepertimana pemain industri

yang lain, sektor koperasi juga merupakan antara yang terkesan khususnya dari segi ekonomi dengan pengurangan nilai perolehan dan pemberhentian pekerja yang sekaligus memberi impak sosial kepada anggota gerakan koperasi.

6. Alhamdulillah, pada masa ini negara kita sedang dalam tempoh pemulihan. Pandemik COVID-19 juga telah mengajar kita semua untuk bekerjasama dan saling membantu antara satu sama lain. Semangat kerjasama ini juga merupakan prinsip asas Gerakan Koperasi. Peranan yang

dimainkan oleh koperasi dalam mengenal pasti anggota yang terjejas dan menghulurkan bantuan yang diperlukan mencerminkan keprihatinan koperasi kepada masyarakat.

Tuan/Puan yang dihormati sekalian,

7. Seiring juga dengan 50 tahun penubuhan ANGKASA, ANGKASA memainkan peranannya sebagai badan apeks gerakan koperasi negara yang menyatu dan mewakili koperasi di peringkat nasional dan antarabangsa. Kini ANGKASA juga terus utuh menjalankan peranannya

memudahkan operasi ahli serta menjadi jentera pemerkasaan perniagaan gerakan koperasi dalam dan luar negara.

8. ANGKASA sentiasa komited untuk meneraju dan melaksana inisiatif Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) 2030 agar institusi ini terus

berdaya maju dalam menghadapi
cabaran masa hadapan serta
berperanan sebagai instrumen
pengagihan ekonomi yang adil dan
saksama demi kesejahteraan untuk
semua.

9. Menyadari akan kepentingan tersebut, transformasi secara menyeluruh ke atas Gerakan Koperasi perlu dilaksanakan bagi memperkuat dan memantapkan peranannya supaya terus mampan dalam menghadapi cabaran abad ke-21. Gerakan koperasi perlu dilonjakkan ke

tahap yang lebih tinggi seiring dengan zaman digitalisasi.

10. Saya mengharapkan program ini dapat memberi manfaat secara langsung atau tidak langsung kepada koperasi.

11. Saya mengucapkan tahniah kepada ANGKASA Negeri Johor di atas penganjuran seminar ini. Harapan saya agar penganjuran seminar seumpama ini akan menjadi jambatan penghubung di antara ANGKASA Negeri, ANGKASA Pusat dan Gerakan Koperasi secara keseluruhannya.

12.. Akhir kata, dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan sukacitanya merasmikan penutupan seminar “Bicara 100 Tahun Koperasi” anjuran ANGKASA Negeri Johor.

Sekian. Wabillahi Taufik Walhidayah.

Assalamu'alaikum
Wabarakatuh.

Warahmatullahi